

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 18 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1531-L10800  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian yang diambil bagi mengatasi isu *scammer* yang mengakibatkan kerugian dan kehilangan wang dalam akaun simpanan kepada mangsa penipuan sehingga ia menjadi masalah yang serius dalam masyarakat.
2. PN-1531-L10704  
**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan kewangan dan jumlah bilangan peserta yang terlibat dalam Program Pembangunan Asnaf yang telah dilancarkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2022.
3. PN-1531-L10901  
**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan trend peningkatan mendadak kes tuberkulosis (TB) seperti yang dilaporkan oleh akhbar The Star pada 16 Februari 2024. Mohon pecahan mengikut negeri, umur, warganegara dan bukan warganegara serta data *drug resistant* TB untuk 10 tahun ke belakang ini dan langkah-langkah untuk mengatasinya.
4. PN-1531-L10852  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan keberhasilan program pembiayaan MyBrain15 yang dilaksanakan dalam RMKe-10 dan apakah sasaran pihak Kerajaan dalam pelaksanaan program MyBrain 2.0 yang bakal dibuka nanti.

5. PN-1531-L10790  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peratusan pengguna yang menggunakan kad debit dan kad kredit di kesemua konsesi tol lebuh raya yang menyediakan perkhidmatan sistem pembayaran tol terbuka.
6. PN-1531-L11173  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) yang diaplikasikan oleh Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dapat menyelesaikan satu-satu projek melibatkan sekolah daif di negeri-negeri yang berpendapatan rendah.
7. PN-1531-L11354  
**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan yang dihulurkan Kerajaan kepada petani padi di Kedah yang sedang mengalami hasil padi yang rendah akibat perubahan iklim, penyakit berkaitan padi, serta ulat pengorek batang.
8. PN-1531-L10945  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program khas yang akan dianjurkan oleh Kementerian bagi mengukuhkan semangat perpaduan di antara kaum di semenanjung Malaysia.
9. PN-1531-L11018  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan kadar keberkesanan terkini Kerajaan menangani ancaman serangan siber membabitkan organisasi yang berurusan dengan data peribadi dan apakah inisiatif terbaharu yang dirangka bagi mempertingkatkan kadar keselamatan siber di negara ini.
10. PN-1531-L11116  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras rasuah dan sasaran pencapaian bagi langkah-langkah tersebut.

11. PN-1531-L10923  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimanakah program pemasaran destinasi pelancongan nasional sedang diselaraskan dan sejauh manakah dapatan keberhasilan terhadap program tersebut.
12. PN-1531-L11009  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah jangka sederhana dan panjang yang akan diambil untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) untuk komoditi-komoditi makanan utama seperti beras, sayur-sayuran dan daging yang mempunyai nisbah sara diri yang rendah.
13. PN-1531-L11111  
**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah berjaya menambah kutipan hasil melalui bayaran tender nombor pendaftaran kenderaan setakat ini.
14. PN-1531-L11040  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan signifikan cadangan pelaksanaan modul khusus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang penuaian sawit dan bagaimanakah ia berupaya menjadi pemangkin kepada penyertaan generasi muda masa kini untuk menceburi bidang penuaian sawit sebagai profesion kalis masa hadapan yang boleh menjamin pendapatan yang bermaruah.
15. PN-1531-L10643  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah *roadmap* untuk pindaan RUU 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 supaya ia menjadi tanggungjawab perundangan dan bukan dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu dan sejauh mana kajian mengenai keperluan ini telah dibuat secara menyeluruh.
16. PN-1531-L10729  
**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memperkenalkan pemasangan panel solar di kediaman di bawah program Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi mengurangkan bil elektrik dan usaha menjimatkan tenaga.

17. PN-1531-L11090  
**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah strategi bersepadu dan langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kementerian untuk mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kurikulum universiti di Malaysia demi memastikan kita bersedia dengan kemahiran AI yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan pasaran kerja global dan sekali gus memajukan ekosistem inovasi negara.
18. PN-1531-L10818  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perkembangan terkini berkenaan permintaan agar Radio Kenyah ke udara selama 3 jam sehari yang dapat didengari oleh penduduk luar bandar penduduk Sarawak yang berbahasa Kenyah.
19. PN-1531-L10725  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi Kementerian dalam usaha untuk mempergiatkan industri pelancongan terutamanya di kawasan seperti di Langkawi.
20. PN-1531-L10628  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf Balai Polis Sg. Asap, Belaga yang menerima pertambahan jumlah kes kerana balai yang sedia ada serba kekurangan baik daripada segi personel mahupun kemudahan seperti kenderaan dan peralatan-peralatan.
21. PN-1531-L11345  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan harga barang naik dan apakah usaha pihak Kerajaan bagi menangani masalah ini.
22. PN-1531-L10698  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini penggubalan Akta Kebebasan Maklumat yang telah dipersetujui secara prinsip pada September 2023.

23. PN-1531-L10841  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah fokus Kerajaan dalam masa terdekat bagi memastikan nilai mata wang Ringgit kembali stabil dan kukuh.
24. PN-1531-L10741  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki ketelusan dan kebertanggungjawaban di institusi awam.
25. PN-1531-L10877  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Imigresen Sarikei akan menerima dan menggunakan mesin pencetak pasport yang baru bagi menangani jumlah permohonan memperbaharui Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) yang meningkat secara mendadak.
26. PN-1531-L11222  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah terkini pegangan ekuiti Bumiputera berbanding kaum lain dan pegangan asing serta apakah sasaran terkini serta langkah utama Kerajaan untuk meningkatkan pegangan tersebut.
27. PN-1531-L10769  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyelaraskan pemberian pencen penuh terhadap balu keluarga bekas anggota polis yang meninggal dunia disebabkan masalah kesihatan ketika dalam perkhidmatan sepertimana pencen penuh umur 60 tahun supaya dapat meringankan beban yang ditanggung balu keluarga sesuai dengan keadaan ekonomi semasa.
28. PN-1531-L10856  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status pelaksanaan pembinaan stesen jana kuasa elektrik oleh Petronas yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada Disember tahun lalu bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan.

29. PN-1531-L10663  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi pihak Kementerian dalam memperkenalkan pendekatan inklusif untuk memastikan hak dan kepentingan golongan wanita dan masyarakat secara menyeluruh.
30. PN-1531-L11243  
**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah mitigasi Kerajaan dalam mencegah isu pencemaran air yang berpunca daripada aktiviti penternakan haiwan seperti khinzir.
31. PN-1531-L10659  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah sikap Malaysia dalam kancah peperangan perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat dan China yang cuba mempengaruhi dasar-dasar perdagangan global mereka ke atas negara.
32. PN-1531-L10771  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah sasaran Kementerian bagi tahun 2024 bagi meningkatkan capaian internet di kawasan luar bandar khususnya di perkampungan Orang Asli di seluruh negara terutamanya kepada perkampungan yang mempunyai sekolah.
33. PN-1531-L10980  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lebih efisien dan sistematik dalam memantau kegiatan anggota ketika bertugas.
34. PN-1531-L11289  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini dan peranan yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian sektor pelancongan di Malaysia dalam keadaan negara yang mengalami kejatuhan nilai ringgit.

35. PN-1531-L11340

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kewajaran dan rasional kenaikan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) khususnya kepada sektor logistik kepada 8 peratus berbanding 6 peratus bermula 1 Mac 2024 yang dilihat akan menggandakan harga barangan kepada pengguna.

36. PN-1531-L11056

**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan aspek-aspek sokongan yang disediakan kepada usahawan luar bandar di Negeri Sembilan yang mengusahakan pelbagai produk makanan beridentitikan tradisi negeri tersebut dan bagaimanakah golongan peniaga dalam segmen tersebut berupaya menjadikan perniagaan mereka kalis musibah alam dan pandemik.

37. PN-1531-L10998

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sektor awam memandangkan kepentingannya dalam menarik pelaburan sambil tidak melemahkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

38. PN-1531-L11029

**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan pakaian seragam sekolah kepada semua pelajar dalam kalangan anak-anak Orang Asli yang bersekolah dari tahun satu hingga tingkatan lima.

39. PN-1531-L11135

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menentukan kursus yang dipilih oleh penerima biasiswa. Adakah terdapat sebarang penilaian yang telah dibuat secara berkala mengikut keperluan negara, kepakaran universiti dan sebagainya.

40. PN-1531-L10895

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah kadar inflasi makanan yang dicatatkan setakat Februari 2024 dan apakah langkah yang diambil Kementerian bagi mengelakkan kadar inflasi daripada terus meningkat.

41. PN-1531-L11317  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah penggunaan mata wang tempatan yang lebih luas untuk perdagangan antara negara-negara ASEAN.
42. PN-1531-L10831  
**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi daripada pihak Kerajaan mengenai pemindahan fungsi Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing (*One Stop Centre*) di bawah Kementerian Dalam Negeri kepada Kementerian Sumber Manusia.
43. PN-1531-L10930  
**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pemilik atau pemandu kenderaan berat yang menyebabkan peningkatan kemalangan jalan raya pada tahun lalu yang melibatkan kenderaan berat dan telah meragut nyawa.
44. PN-1531-L10884  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) punca utama yang menyumbang kepada kejatuhan nilai Ringgit Malaysia pada masa ini; dan
  - (b) pelan Kerajaan bagi mengimbangi kadar tukaran asing Ringgit Malaysia ke Dolar Amerika Syarikat.
45. PN-1531-L10717  
**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang telah diambil oleh Kementerian susulan daripada kemalangan udara yang melibatkan pesawat persendirian yang berlaku sejak kebelakangan ini.
46. PN-1531-L10751  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan program-program pengisian yang telah dilaksanakan dalam Kembara Perpaduan dan apakah dapatan awal tentang impaknya.

47. PN-1531-L10683

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membanteras kegiatan haram perjudian sama ada dalam talian mahupun luar talian yang dilihat semakin tidak terkawal sehingga mampu mengakibatkan keruntuhan rumah tangga.

48. PN-1531-L10828

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah jaminan Kementerian agar pendaftaran maklumat pengguna dalam sistem PADU tidak akan mengalami kebocoran data; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memudahkan pendaftaran bagi pengguna yang berada di kawasan luar bandar atau pedalaman.

49. PN-1531-L10952

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan dan berapa orang telah berjaya sebagai agropreneur atau usahawan tani pada tahun 2023 memandangkan sebanyak RM250 juta telah diberikan oleh Kerajaan kepada Agrobank pada tahun 2022 bagi program pelaburan Agrovest.

50. PN-1531-L11332

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kewajaran cadangan pihak parti politik tertentu yang meminta kerajaan melaksanakan pilihan raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan dahulu sebelum ke bandar raya lain di negara ini.

51. PN-1531-L11426

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menyahut permintaan rakyat Pensiangan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Daerah Nabawan kepada status Hospital Daerah Nabawan.

52. PN-1531-L11047  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah Tabika Perpaduan sehingga kini dan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan bilangan tabika ini menjelang 2025 bagi keperluan kumpulan B40 di bandar dan luar bandar.
53. PN-1531-L10763  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah untuk memastikan bahawa dasar afirmatif yang berdasarkan semangat Dasar Ekonomi Baharu untuk "membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum" dan "menyusun semula masyarakat Malaysia" tetap terpelihara dan dilaksanakan dengan strategi yang berkesan.
54. PN-1531-L10919  
**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemansuhan pencen mungkin dilihat sebagai penyelesaian kepada bebanan kewangan negara. Oleh itu, apakah perancangan strategi jangka masa panjang untuk membantu dalam memastikan penjawat awam yang baharu dilantik tidak terbeban dengan skim persaraan mereka.
55. PN-1531-L11284  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menggalakkan generasi muda untuk terlibat dalam sektor pertanian dan penternakan.
56. PN-1531-L11415  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah insentif serta galakan yang wujud untuk diberikan kepada pengusaha tanaman koko di Sabah.
57. PN-1531-L11080  
**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha intervensi terkini dalam menangani isu keciciran pelajar, sekolah daif dan kekurangan guru serta prasarana di sekolah-sekolah pedalaman.
58. PN-1531-L11180  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan takrifan rasmi yang digunakan oleh Kerajaan mengenai Ekstremisme, Radikalisme dan Pengganas dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemas kini takrifan baharu.

59. PN-1531-L11273

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hasil keluaran padi negara yang dicapai mengikut negeri pada tahun 2023 dan berapakah Kadar Sara Diri (SSR) terkini negara serta apakah usaha pihak Kerajaan untuk meningkatkan hasil tanaman padi supaya harga beras dapat diturunkan.

60. PN-1531-L11393

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasionalisasi di sebalik pelaksanaan permohonan penangguhan pulang ke tanah air bagi tujuan bekerja untuk graduan luar negara tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan apakah jaminan pelaksanaan tersebut tidak akan mengundang implikasi negatif kepada masalah ketandusan bakat dalam sektor-sektor kritikal tempatan.

61. PN-1531-L11435

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membanteras rasuah di Malaysia serta memperbaiki ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara.

62. PN-1531-L11203

**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan di peringkat mana kemajuan pendaftaran 7 buah Kampung Baru Cina di Selangor sebagai Tapak Warisan Dunia, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

63. PN-1531-L11168

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan strategi khusus terkini Kementerian untuk meningkatkan kerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam usaha memajukan penyelidikan, inovasi, dan pembangunan teknologi di Malaysia untuk menciptakan ekosistem inovasi yang lebih dinamik dan inklusif yang mendukung visi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

64. PN-1531-L11139  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bahawa jika terdapat langkah progresif untuk meningkatkan kedudukan negara dalam memastikan kelestarian haiwan dengan menggunakan kaedah *cage-free farming* berbanding dengan cara konvensional berikutan kedudukan Malaysia yang terendah di Asia dalam sokongan terhadap telur bebas kandang.
65. PN-1531-L10866  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah kriteria untuk melayakkan sesuatu kawasan dicalonkan sebagai Tapak Ramsar dan di manakah lokasi yang dicadangkan sebagai Tapak Ramsar baharu negara di Sarikei, Sarawak.
66. PN-1531-L11382  
**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah pelancong asing yang telah datang ke Malaysia dan pecahan pelancong mengikut negara sejak tahun 2018.
67. PN-1531-L11253  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada terdapat pengurangan peruntukan yang disalurkan daripada Kementerian kepada Jabatan Pertanian Negeri-Negeri.
68. PN-1531-L11091  
**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah tindakan pihak Kerajaan atas kebocoran data peribadi rakyat Malaysia yang kerap dilaporkan baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan perkara ini tidak berlaku pada masa hadapan.
69. PN-1531-L11300  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam memartabatkan Mahkamah Syariah setelah Mahkamah Persekutuan mengisytiharkan 16 kesalahan dalam Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 terbatal dan tidak sah.

70. PN-1531-L11220

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme bagi meningkatkan kuasa beli rakyat yang semakin berkurang susulan kenaikan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada 6 peratus kepada 8 peratus.

71. PN-1531-L11124

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan supaya penduduk di bahagian-bahagian pentadbiran di Sarawak selain daripada penduduk-penduduk di bahagian-bahagian Kuching, Serian dan Samarahan mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan saksama.

72. PN-1531-L11307

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah terkesannya ekonomi negara daripada operasi syarikat asing dan syarikat francais tempatan yang mempunyai jenama global yang berkait rapat dengan sentimen anti-Israel yang beroperasi di negara ini.

73. PN-1531-L11192

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pendirian Kerajaan dalam mengurangkan import bawang, cili, kentang dan kekacang serta rancangan jangka masa panjang Kerajaan dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi tanaman gantian import.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)** akan mencadangkan :-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat (70), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:-

- (a) Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal – Pengerusi  
[ Yang di-Pertua Dewan Negara ]
- (b) Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair
- (c) Yang Berhormat Senator Tan Sri Hj. Mohamad Fatmi Hj. Che Salleh
- (d) Yang Berhormat Senator Dato’ Dr. Ahmad Azam Hamzah
- (e) Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding

dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas dan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (2), Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilih memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.”

2. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

3. ( D.R.40/2023 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**[ Perdana Menteri ]**

4. \*( D.R.4/2024 ) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**

**[ Menteri Kewangan ]**

5. \*( D.R.5/2024 ) Rang Undang-undang (Penguntukan Semula Perbelanjaan) 2024 Perbekalan Peruntukan **Bacaan Kali Kedua di DR**

**[ Menteri Kewangan ]**

6. \*( D.R.1/2024 ) Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**

**[ Menteri Kewangan ]**

7. \*( D.R.3/2024 ) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**

**[ Menteri Kewangan ]**

8. \*( D.R.41/2023 ) Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**

**[ Perdana Menteri ]**

9. \*( D.R.38/2023 ) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah(Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Perdana Menteri ]**
10. \*( D.R.39/2023 ) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Pendidikan Tinggi ]**
11. \*( D.R.35/2023 ) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**
12. \*( D.R.37/2023 ) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Kerja Raya ]**
13. \*( D.R.2/2024 ) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST 214	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Tahun 2021	18 Mac 2024
ST 215	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bagi Tahun 2021	18 Mac 2024
<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD 1	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Tahun 2022	18 Mac 2024
CMD 2	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 1	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 12) 2023 P.U. (A) 273/2023 diwartakan pada 15 September 2023	18 Mac 2024
ST 2	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 13) 2023 P.U. (A) 274/2023 diwartakan pada 15 September 2023	18 Mac 2024
ST 3	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 14) 2023 P.U. (A) 308/2023 diwartakan pada 11 Oktober 2023	18 Mac 2024
ST 4	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 15) 2023 P.U. (A) 328/2023 diwartakan pada 31 Oktober 2023	18 Mac 2024

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST 5	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 16) 2023 P.U. (A) 336/2023 diwartakan pada 6 November 2023	18 Mac 2024
ST 6	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 17) 2023 P.U. (A) 363/2023 diwartakan pada 24 November 2023	18 Mac 2024
ST 7	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Setiawangsa– Pantai) 2023 P.U. (A) 334/2023 diwartakan pada 2 November 2023	18 Mac 2024
ST 8	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting)) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 354/2023 diwartakan pada 17 November 2023	18 Mac 2024
ST 9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 12	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa-Kuasa Perundangan) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 393/2023 diwartakan pada 27 Disember 2023	18 Mac 2024
ST 13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST 14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2021	18 Mac 2024
ST 19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2021	18 Mac 2024
ST 20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 23	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan Bagi Tahun 2021	18 Mac 2024
ST 24	AKTA RACUN 1952 Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompunan Kesalahan) 2023 P.U.(A) 402/2023 yang diwartakan 28 Disember 2023	18 Mac 2024

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST 27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia Bagi Tahun 2021	18 Mac 2024
ST 29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 31	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 33	AKTA EKSTRADISI 1992 Perintah Ekstradisi (Republik Islam Iran) 2023 P.U. (A) 380/2023 diwartakan pada 15 Disember 2023	18 Mac 2024
ST 36	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST 39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024